jadi kulit dalam 'mengisi' ruang-ruang kedutan (bertindak 'repush' kedutan dari dalam). Formula aktifnya, menumpukan pada unsur penting dalam menentang penuaan iaitu kolagen, fiber elastin dan asid Hyaluronic.

**MACROLANE™** Macrolane™ adalah produk pertama menggunakan asid Hyaluronic bagi prosedur mengkonturkan badan. Berasaskan daripada paten unik teknologi NASHA™ yang sudah diuji secara klinikal selamat. Uniknya Macrolane™, ia menawarkan prosedur membentuk buah dada, punggung, 'décolletage' dan permukaan badan lain tanpa melalui pembedahan. Kebanyakan wanita ingin membentuk atau menegangkan bahagian-bahagian tertentu pada badan. Kerap kali hasrat ini terhalang apabila terpaksa melalui prosedur pembedahan. Bersama Macrolane™, malah prosedur yang hadir dalam bentuk suntikan ini boleh dilakukan pada waktu sengang tengah hari anda! Menurut Pakar Bedah Plastik, Dr Woffles Wu, "Walaupun mahu cantik dan ingin mencapainya dengan kos yang murah, anda patut tahu tentang kesan sampingan prosedur pembedahan plastik. Terutamanya yang menggunakan 'permanent fillers'. Saya tidak mengesyorkan menggunakan 'filler' yang kekal selamanya di dalam badan!". Macrolane™ boleh didapati daripada pengedar sah DKSH untuk kawasan Barat dan Pharmex buat Timur.

**ZENO** Zeno hadir bersama teknologi ClearPoint™ yang direka mengawal dos suhu panas pada jerawat. Kepanasan yang tercetus melalui Zeno menggalakkan tindak balas 'heat - shock' protein serta membunuh bakteria P.acnes yang juga 90% penyebab kewujudan jerawat. Berkesan dalam mengurangkan kemerah-merahan juga mempercepatkan kulit agar kembali pada kondisi sihat. Pakejnya yang 'portable', Zeno berjaya mengurangkan jerawat dalam masa dua hingga tiga minit rawatannya. Terbaik bagi anda yang ingin merawat sendiri jerawat di rumah!




LANCÔME RENERGIE REFILL

BIOXIL AGELESS MIRACLE

DERMALOGICA MAP-15 REGENERATOR

MACROLANE™

ZENO

SK-II WHITENING SOURCE DERMDEFINATION (30ML) RM310, (50ML) RM450

**SELEBRITI & CLARINS BODY SHAPING SUPPLEMENT** Dua selebriti popular mencuba sentuhan produk pelangsingan terbaru daripada Clarins. Istimewanya Clarins Body Shaping Supplement, ia dirumus unik. Beberapa titis produk ini pada produk penjagaan badan mampu membentuk serta melangsingkan dan mengurangkan kehadiran selulit.



CLARINS BODY SHAPING SUPPLEMENT

**SHARIFAH HASLINDA, PELAKON** "*It really does work!* Clarins menasihatkan saya menggunakannya sekali sahaja sehari, tetapi mungkin kerana terlalu teruja dengan produk ini pada minggu kedua saya menggunakannya dua kali sehari. Bahagian yang paling merisaukan saya seperti bawah perut, pinggul dan peha menunjukkan kesan semakin mengecil. Dalam mengamalkan produk ini, saya tidaklah berasa seperti sedang menjalankan rutin melangsing, mungkin kerana aromanya yang wangi serta prosedurnya yang praktikal"



**GLORIA TING, AKTRES DAN MODEL** "Saya paling gusar tentang lemak juga selulit yang berkumpul di perut, pinggul dan peha. *I believe one can only slim so much as their body allow*. Selepas dua minggu mencuba produk ini, saya rasa perubahannya. Ia berkesan dalam membentuk serta menyahkan lemak berlebihan pada kawasan tertentu. Dan menariknya, saya tidak perlu bersenam untuk langsing! Dengan inovasi terbarunya dalam mencampurkan Clarins Body Slimming Supplement dengan produk penjagaan badan lain, ia menyempurnakan rutin cantik saya serta memudahkan lagi pemakaiannya"

